

**NILAI-NILAI MURNI MENURUT *ABĪ AL-HASAN*
ALĪ AL-HASANI AL-NADĀWĪY DALAM KITAB
*SĪRAH KHĀTAMUN AL-NABĪYYĪN LIL AṬFĀL***

SITI MARIAM BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**NILAI-NILAI MURNI MENURUT *ABĪ AL-HASAN
ALĪ AL-HASANI AL-NADĀWĪY* DALAM KITAB
*SĪRAH KHĀTAMUN AL-NABĪYYĪN LIL AṬFĀL***

oleh

SITI MARIAM BINTI ABDULLAH

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2020

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Tuhan yang Dia saja layak dijadikan cinta agung, tempat mengadu, merintih dan memohon serta teman sejati. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad SAW baginda merupakan pencetus kasih sayang dan pembawa petunjuk untuk keselamatan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah kerana akhirnya tesis yang bertajuk ‘Nilai-nilai Murni menurut *Abī Hasan Alī al-Hasani al-Nadāwīy* dalam kitab *Sīrah Khātamun Nabīyyin Lil Aṭfāl*’ berjaya disiapkan. Sekalung penghargaan dan ucapan *Jazāk Allāhu Khayran* kepada Dr. Shaik Abdullah bin Hassan Mydin selaku penyelia utama dalam memberikan sepenuh tenaga, masa, buah fikiran dan motivasi kepada saya dalam usaha menyempurnakan kajian penyelidikan ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr Mohd Nasir bin Ayub selaku penyelia kedua atas ilmu dan panduan yang diberikan tanpa pernah berasa jemu dalam membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Juga ucapan terima kasih ini tidak dilupakan kepada Dr. Surita Hartini binti Mat Hasan, Dr Sirajuddin, Dr Ridhuan, Dr Hadi, Dr Zamrus, ustaz Zaharuddin, ustazah Hidayah dan ustazah Zailina yang membantu menyumbangkan ilmu dan maklumat dalam memurnikan kajian ini. Semoga ukhwah kita semua terus subur dan sentiasa dalam keredaan Allah SWT.

Teristimewa ucapan terima kasih buat ibu ayah tersayang Salmah binti Abu Tara dan Abdullah bin Hj Zabidi di atas pengorbanan yang diberikan serta sentiasa menitipkan doa kejayaan buat saya serta tidak dilupakan buat keluarga mertua emak Jamilah binti Hashim dan abah Ismail bin Arifin. Kepada suami tercinta Mohd

Zuwairi Azwan bin Ismail, tidak ada ungkapan selain terima kasih yang dapat diucapkan kerana menjadi suami yang sentiasa mendoakan kejayaan buat isteri serta memahami erti pengorbanan dalam medan menuntut ilmu. Buat anak ibu tersayang Siti Zulaikha terima kasih kerana menjadi penghibur, sebagai penguat semangat juga memahami masa ibu yang terhad untuk menjadi ibu yang baik buat kamu. Terima kasih juga buat semua adik beradik Siti Hawa sekeluarga, Muhammad sekeluarga, Siti Hajar sekeluarga, Siti Khadijah dan Nurul Husna sekeluarga. Kalian banyak mendoakan dan memberi semangat dalam mengharungi perjalanan pengajian dari tahun 2010-2020 ini. Tidak terkecuali juga buat keluarga pengasuh Siti Zulaikha iaitu Pn. Nasriah, En. Majid sekeluarga, yang sabar menjaga dan mendidik Zulaikha ketika dalam jagaan kalian, semoga segala usaha ini dikira sebagai amal jariah dan semoga kita semua sentiasa dipandu oleh Allah SWT menuju jalan ke syurga-Nya dan menjadi manusia soleh dan solehah.

Akhir sekali, ucapan penghargaan juga disampaikan kepada seluruh warga Universiti Sains Malaysia khususnya kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dan SK Permatang To' Jaya, terutama kepada guru besar tahun 2010-2015 Tn. Hj Dzulkifli bin Mahmood dan guru besar tahun 2015-2020 Pn. Sharifah binti Khalid, kakitangan sekolah, sahabat-sahabat rakan sekerja yang menggantikan kelas ketika cuti menghadiri seminar, pembentangan kertas kerja dan lain-lain serta murid-murid yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya. Sesungguhnya jasa kalian sangat dihargai dan semoga ada ganjaran di sisi Allah SWT kelak.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xii
SENARAI SINGKATAN NAMA	xv
ABSTRAK.....	xvi
ABSTRACT.....	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.2.1 Kekosongan akal	7
1.2.2 Pengabaian emosi.....	12
1.2.3 Pengabaian rohani	15
1.3 Objektif Kajian	26
1.4 Persoalan Kajian.....	26
1.5 Kepentingan Kajian.....	27
1.5.1 Menonjolkan tokoh	27
1.5.2 Sirah nabi Muhammad SAW sebagai sumber nilai-nilai murni ...	28
1.5.3 Keperluan teladan nilai murni dalam kehidupan seharian	29
1.5.4 Sumbangan kepada pendidik	30
1.5.5 Sumbangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)....	31
1.6 Skop Kajian	32
1.7 Kajian Lepas.....	34
1.8 Metodologi Kajian.....	42
1.8.1 Reka bentuk kajian.....	43

1.8.2	Metode pengumpulan data	44
1.8.3	Metode analisis data.....	46
	1.8.3(a)Metode induktif	47
	1.8.3(b)Metode deduktif	48
1.9	Definisi Operasi Kajian	48
1.10	Kesimpulan	49
BAB 2	RIWAYAT HIDUP <i>ABĪ AL-HASAN ALĪ AL-HASANI AL-NADĀWĪY</i> DAN <i>KITAB SĪRAH KHĀTAMUN NABIYYĪN LIL AṬFAL</i>.....	51
2.1	Pengenalan	51
2.2	Riwayat Hidup <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	51
2.2.1	Latar Belakang <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	51
2.2.2	Akhlak dan Keperibadian <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	53
2.2.3	Ilmu yang dipelajari dan Guru-guru <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	56
2.2.4	Kerjaya dan Penglibatan dalam Dunia Pendidikan	59
2.2.5	Sumbangan dan Karya <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i> ..	61
2.2.6	Pengaruh dan Pengiktirafan terhadap <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	65
2.2.7	Kewafatan <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	69
2.3	Kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	70
2.3.1	Idea penulisan Kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	71
2.3.2	Pendekatan kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	75
	2.3.2(a)Mengutamakan anak-anak.....	75
	2.3.2(b)Pemahaman al-Quran	78
	2.3.2(c)Pengamalan secara syumul.....	79
2.3.3	Edisi dan percetakan kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	82
2.3.4	Metodologi penulisan kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i> ...	84
	2.3.4(a)Sirah nabi Muhammad SAW beserta ayat al-Quran.....	84

	2.3.4(b)Metode bercerita	86
2.4	Kesimpulan.....	88
BAB 3	KONSEP NILAI-NILAI MURNI MENURUT ISLAM DAN MODUL EXEMPLAR PENDIDIKAN SIVIK SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	90
3.1	Pengenalan	90
3.2	Definisi Nilai-nilai Murni.....	90
3.3	Nilai-nilai Murni Dari Perspektif Islam	95
	3.3.1 Nilai-nilai murni memantapkan iman dan takwa.....	95
	3.3.2 Nilai-nilai murni menguatkan roh.....	98
	3.3.3 Nilai-nilai murni pembentuk akhlak mulia	99
3.4	Nilai-nilai Murni Dari Perspektif <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	104
	3.4.1 Nilai-nilai murni memantapkan iman	106
	3.4.2 Nilai-nilai murni sebagai roh Islam	108
	3.4.3 Nilai-nilai murni melahirkan akhlak mulia.....	109
3.5	Sumber Nilai-nilai Murni	110
	3.5.1 Sumber al-Quran al-Karim.....	111
	3.5.2 Sumber hadis nabi Muhammad SAW.....	113
	3.5.3 <i>Qias</i> Ulama'	114
	3.5.4 Maslahat umum.....	115
	3.5.5 Ijithad	116
3.6	Fungsi Nilai-nilai Murni.....	116
	3.6.1 Individu	117
	3.6.2 Keluarga	118
	3.6.3 Masyarakat	119
	3.6.4 Negara	120
3.7	Elemen Nilai-nilai Murni Menurut Islam.....	122
	3.7.1 Unsur rohani.....	123

3.7.2	Unsur akal	127
3.7.3	Unsur emosi	129
3.7.4	Unsur jasmani	132
3.8	Nilai-nilai Murni Dari Modul Exemplar Pendidikan Sivik Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.....	135
3.8.1	Nilai teras modul exemplar Pendidikan Sivik.....	137
3.8.1(a)	Kasih sayang	137
3.8.1(b)	Hormat-menghormati.....	137
3.8.1(c)	Bertanggungjawab.....	137
3.8.1(e)	Kegembiraan	138
3.8.2	Kerangka Pendidikan Sivik.....	138
3.8.2(a)	Literasi sivik.....	138
3.8.2(b)	Amali sivik.....	139
3.8.3	Pemetaan Pendidikan Sivik Sekolah Rendah.....	139
3.8.4	Modul exemplar Pendidikan Sivik.....	144
3.9	Kesimpulan.....	158
BAB 4	ANALISIS NILAI-NILAI MURNI MENURUT <i>ABĪ AL-HASAN ALĪ AL-HASANI AL-NADĀWĪY</i> DAN <i>KITAB SĪRAH KHĀTAMUN NABIYYĪN LIL AṬFAL</i>	160
4.1	Pengenalan	160
4.2	Pengiktirafan Terhadap Nilai-nilai Murni Nabi Muhammad SAW Dalam kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	161
4.2.1	Keluarga	161
4.2.2	Sahabat	167
4.2.3	Pemimpin	173
4.2.4	Bukan Islam	176
4.3	Analisis Nilai-nilai Murni Menurut <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i> melalui kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	180
4.3.1	Analisis Nilai Murni Menurut Elemen Rohani.....	181

4.3.1(a)	Berani	181
4.3.1(b)	Sabar	184
4.3.1(c)	Mengutamakan Allah SWT	187
4.3.1(d)	Memaafkan	189
4.3.1(e)	Jujur dan amanah	193
4.3.1(f)	Kasih sayang	195
4.3.1(g)	Muhasabah diri.....	197
4.3.1(h)	Keyakinan diri.....	200
4.3.1(i)	Berdisplin.....	204
4.3.1(j)	Zuhud	205
4.3.1(k)	Berpegang pada janji.....	207
4.3.2	Analisis Nilai Murni Menurut Elemen Akal.....	209
4.3.2(a)	Bijaksana	210
4.3.2(b)	Menuntut ilmu pengetahuan.....	217
4.3.2(c)	Menyampaikan ilmu pengetahuan.....	218
4.3.3	Analisis Nilai Murni Menurut Elemen Emosi	223
4.3.3(a)	Kesederhanaan.....	224
4.3.3(b)	Marah	226
4.3.3(c)	Belas kasihan	227
4.3.3(d)	Sedih.....	232
4.3.4	Analisis Nilai Murni Menurut Elemen Jasmani.....	235
4.3.4(a)	Berdoa.....	235
4.3.4(b)	Berperibadi mulia	247
4.3.4(c)	Perawat yang bertanggungjawab	254
4.3.4(d)	Berpada dalam memilih makanan	260
4.3.4(e)	Semangat hidup bermasyarakat.....	263
4.3.4(f)	Bersyukur	270

4.3.4(g)Kebersihan fizikal.....	274
4.4 Kesimpulan.....	278
BAB 5 KESIMPULAN.....	279
5.1 Pengenalan	279
5.2 Rumusan Kajian	279
5.2.1 <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i>	279
5.2.2 <i>Kitab Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	281
5.2.3 Kesimpulan nilai-nilai murni <i>Abī al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadāwīy</i> dalam kitab <i>Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfal</i>	282
5.2.3(a)Elemen rohani	282
5.2.3(b)Elemen akal.....	283
5.2.3(c)Elemen emosi	284
5.2.3(d)Elemen jasmani	285
5.3 Keperluan Nilai-nilai Murni al-Nadāwīy di Malaysia	288
5.4 Saranan.....	289
5.4.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).....	289
5.4.2 Para guru dan pendidik	291
5.4.3 Ibu bapa.....	292
5.4.4 Individu	293
5.4.5 Masyarakat	293
BIBLIOGRAFI.....	295
LAMPIRAN	
SENARAI PENULISAN DAN PEMBENTANGAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Laporan Kes Dera dan Aniaya Kanak-kanak..... 14
Jadual 2.1	Senarai Nama Kitab Yang Masyhur Dalam Penulisan Bahasa Arab.....62
Jadual 2.2	Isi Kandungan Kitab <i>Sīrah Khātamun Nabīyyīn Lil Aṭfāl</i> 73
Jadual 2.3	Ayat al-Quran Di Dalam Tajuk Kitab <i>Sīrah Khātamun Nabīyyīn Lil Aṭfāl</i>84
Jadual 3.1	Kandungan Nilai Teras Modul Sivik Prasekolah..... 141
Jadual 3.2	Pemetaan Pendidikan Sivik Sekolah Rendah..... 142
Jadual 3.3	Pemetaan Pendidikan Sivik Sekolah Menengah Menengah Rendah dan Atas 143
Jadual 3.4	Perbualan Awal (Prasekolah)..... 146
Jadual 3.5	Aktiviti Pembelajaran (Prasekolah) 146
Jadual 3.6	Mata Pelajaran: Bahasa Melayu (Tahap I)..... 147
Jadual 3.7	Mata Pelajaran: Bahasa Melayu (Tahap II) 147
Jadual 3.8	Mata Pelajaran: Bahasa Inggeris (Tahap I)..... 148
Jadual 3.9	Mata Pelajaran: Bahasa Inggeris (Tahap II)..... 149
Jadual 3.10	Mata Pelajaran: Pendidikan Islam (Tahap I)..... 149
Jadual 3.11	Mata Pelajaran: Pendidikan Islam (Tahap II)..... 150
Jadual 3.12	Mata Pelajaran: Pendidikan Moral (Tahap I) 150
Jadual 3.13	Mata Pelajaran: Pendidikan Moral (Tahap II)..... 151
Jadual 3.14	Mata Pelajaran: Sejarah (Tahap II)..... 151
Jadual 3.15	Mata Pelajaran: Bahasa Melayu Menengah Rendah 152
Jadual 3.16	Mata Pelajaran: Bahasa Melayu Menengah Atas..... 152

Jadual 3.17	Mata Pelajaran: Bahasa Inggeris Menengah Rendah.....	153
Jadual 3.18	Mata Pelajaran: Bahasa Inggeris Menengah Atas.....	153
Jadual 3.19	Mata Pelajaran: Pendidikan Islam Menengah Rendah.....	154
Jadual 3.20	Mata Pelajaran: Pendidikan Islam Menengah Atas.....	155
Jadual 3.21	Mata Pelajaran: Pendidikan Moral Menengah Rendah.....	155
Jadual 3.22	Mata Pelajaran: Pendidikan Moral Menengah Atas.....	156
Jadual 3.23	Mata Pelajaran: Sejarah Menengah Rendah.....	156
Jadual 3.24	Mata Pelajaran: Sejarah Menengah Atas	157
Jadual 3.25	Penerapan Nilai Murni Di Sekolah Sepanjang Tahun 2020.....	158
Jadual 4.1	Nilai- nilai murni kitab <i>Sīrah Khatamun Nabiyyīn Lil Aṭfāl</i>	280

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	B	بدل	Badala
ت	T	تمر	Tamr
ث	TH	ثورة	Thawrah
ج	J	جمال	Jamāl
ح	H	حديث	Ḥadīth
خ	KH	خالد	Khālīd
د	D	ديوان	Dīwān
ذ	DH	مذهب	Madhhab
ر	R	رحمن	Raḥmān
ز	Z	زمزم	Zamzam
س	S	سراب	Sarāb
ش	SH	شمس	Shams
ص	Ṣ	صبر	Ṣabr
ض	Ḍ	ضمير	Ḍamīr
ط	Ṭ	طاهر	Ṭahīr
ظ	Ẓ	ظهر	Ẓuhr
ع	ʿ	عبد	ʿabd
غ	GH	غيب	Ghayb
ف	F	فقه	Fiqh
ق	Q	قاضي	Qādī
ك	K	كأس	Ka's
ل	L	لبن	Laban
م	M	مزمار	Mizmār
ن	N	نوم	Nawm

هـ	H	هبط	Habaṭa
و	W	وصل	Waṣala
ي	Y	يسار	Yasār

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فَعَلَ	fa°ala
اِ	i	حَسِبَ	Ḥasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ ، اِ ، اِوْ	ā	كاتب ، قضي	Kātib, qaḍā
يِ	ī	كريم	Karīm
وِ	ū	حروف	Ḥurūf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَوْ	aw	قول	Qawl
اَيِّ	ay	سيف	Sayf
يِ	iyy/ī	رجعي	raj°iyy / raj°ī
وِ	uww/ū	عدو	°aduww / °adū

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ‘. Contoh: أكبر, transliterasi: *akhbar* bukan ‘*akbar*’.
2. Huruf Arab ة (ta’ marbutah pada ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: *wizārat al-ta’līm* bukannya *wizārah al-ta’līm*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta’ marbutah ditransliterasikan kepada h.

Contoh

1. المكتبة الأهلية
2. قلعة
3. دار وهبة
4. مكتبة المعارف

Transliterasi

- al-Maktabah al-Ahliyyah
qal^hah
Dār Wahbah
Maktabat al-Ma^hārif

SENARAI SINGKATAN NAMA

SAW	<i>Sallallahu a'laihi wasallam</i>
SWT	<i>Subhanahū Wa Ta'āla</i>
DASS	<i>Depression Anxiety Stress Scale</i>
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PUK	Persatuan Ulama Kedah
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
SK	Sekolah Kebangsaan
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
OKU	Orang Kurang Upaya
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Dr	Doktor
M	Masihi
H	Hijrah
MMUSPKL	Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling Kuala Lumpur
KAFA	Kelas Asas Fardhu Ain
Jil.	Jilid
No.	Nombor
ra	<i>Radhi Allāhu Anhu</i>
Terj.	Terjemahan
as.	Alaihissam
kw	<i>Karamallahuwajhah</i>
PhD	<i>Philosophy of Doctorate</i>
et.al	Terdapat editor / penulis lain

**NILAI-NILAI MURNI MENURUT ABĪ AL-HASAN ALĪ AL-HASANI AL-
AL-NADĀWĪY DALAM KITAB SĪRAH KHĀTAMUN AL-NABIYYĪN LIL
AṬFĀL**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni menurut *Abī Hasan Aġ Al-Hasani Al-Nadāwīy* melalui kitab *Sġrah Khġtamun Nabiyyġn Lil Aṡfġl*. Nilai- nilai murni perlu diketengahkan supaya dapat membantu menyelesaikan pelbagai permasalahan isu semasa terutamanya berkaitan nilai-nilai kemanusiaan dan adab yang kian meruncing terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah rendah mahupun menengah. Kajian ini dilakukan untuk mencapai tiga objektif utama iaitu pertama, membincangkan *Abġ Hasan Aġ Al-Hasani Al-Nadġwġy* sebagai tokoh akhlak. Kedua, mengkaji kitab *Sġrah Khġtamun Nabiyyġn Lil Aṡfġl* berkaitan nilai-nilai murni. Ketiga, menganalisis elemen nilai-nilai murni menurut *Abġ Hasan Aġ Al-Hasani Al-Nadġwġy* berdasarkan kitab *Sġrah Khġtamun Nabiyyġn Lil Aṡfġl*. Seterusnya dalam usaha mencapai objektif tersebut, pengkaji menyusun metodologi kajian melalui reka bentuk kajian, metode pengumpulan data dan metode analisis data. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pengumpulan data pula melalui sumber primer dan sumber sekunder. Seterusnya kajian ini menggunakan analisis kandungan iaitu metode induktif dan metode deduktif. Hasil dari analisis data tersebut, menunjukkan bahawa *Abġ Hasan Aġ Al-Hasani Al-Nadġwġy* seorang tokoh Islam yang amat disegani dan mempunyai keunikan dalam mencungkil nilai-nilai murni khususnya dalam bidang penceritaan sirah nabawiah yang menarik hingga menusuk hati serta menimbulkan keinginan untuk menjejaki kehidupan Nabi Muhammad SAW. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai murni yang

boleh ditonjolkan berdasarkan kitab *Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfāl* melalui empat elemen berkaitan pembangunan potensi manusia. Empat elemen tersebut ialah elemen rohani, elemen akal, elemen emosi dan elemen jasmani dari sirah Nabi Muhammad SAW. Elemen rohani ialah berani, sabar, mengutamakan Allah SWT, memaafkan, jujur dan amanah, kasih sayang, muhasabah diri, keyakinan diri, berdisiplin, zuhud dan berpegang pada janji. Elemen akal pula ialah bijaksana, menuntut ilmu pengetahuan dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Manakala elemen emosi ialah kesederhanaan, marah, belas kasihan dan sedih. Seterusnya, elemen fizikal ialah berdoa, berperibadi mulia, perawat yang bertanggungjawab, berpada dalam memilih makanan, semangat hidup bermasyarakat, bersyukur dan kebersihan fizikal. Nilai-nilai murni yang dianalisis membuktikan bahawa sirah Nabi Muhammad SAW kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi khususnya dari aspek mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Implikasi kajian ini ialah terdapat satu suri teladan nilai-nilai murni yang jelas dalam diri peribadi Nabi Muhammad SAW yang sangat bermanfaat sepanjang zaman khususnya kepada pelajar, ibu bapa, dan pendidik. Malahan nilai tersebut selari dengan cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengangkat nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia khususnya mengamalkan dalam program perhimpunan pagi Sekolah Kebangsaan.

**GOOD MORAL VALUES ACCORDING TO ABĪ AL-HASAN ALĪ AL-
HASANI AL- AL-NADĀWĪY IN KITAB SĪRAH KHĀTAMUN AL-
NABIYYĪN LIL AṬFĀL**

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the good moral values according to *Abī Hasan Alī Al-Hasani Al-Nadāwīy* through the *Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfāl*. Good moral values need to be addressed to solve current issues in relation to decadence of humanity values and good manner. This study was conducted to achieve the three main objectives, namely, to introduce *Abī Hasan Alī Al-Hasani Al-Nadāwīy* as a figure of good moral values. Secondly, studying the *Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfāl* concerning the issue of moral values. Thirdly, analyzing the good moral values according to *Abī Hasan Alī Al-Hasani Al-Nadāwīy* book, *Sīrah Khātamun Nabiyyīn Lil Aṭfāl*. To achieve these objectives, the researcher compiled the methodology of the study through study design, data collection methods and data analysis methods. This study uses a qualitative study design through explanatory research. Data collection is through primary sources and secondary sources followed by data analysis ie content analysis through inductive method, deductive method and comparative method. The result of the data analysis shows that *Abī Hasan Alī Al-Hasani Al-Nadāwīy* is a highly respected and prominent Muslim figure who is unique in identifying good moral values especially in the field of biography of Prophet Muhammad SAW so that the reader feels there is a difference in the contexts of influencing the mind, emotion and spiritual and physical as compare to other biographical books. The result of the data analysis shows that, there are good values

that can be highlighted based on the al-Nadwi book through four elements: spiritual, mind, emotional and physical. The findings of the study of the spiritual elements are courageous, patient, prioritizing The Almighty, forgiving, honest and trustworthy, love, self-esteem, steadfast, ascetic and holding on to promise. Mind elements are wisdom, seeking knowledge and spreading knowledge. While the elements of emotion are the upbringing environments of the Prophet Muhammad SAW, in state of anger and compassionate. The physical elements are prayer, noble character, healer, food, preaching, gratitude and hygiene. Thus good moral values have been identified as a proof of Prophethood rich with high humanistic values and to strengthen relationship with Allah SWT. The implications of this study gives a clear understanding of the beneficial of the Prophet Muhammad's good moral values for ourself, parents, and educators. It is as well to align with the Ministry of Education Malaysia suggestion to come up with a manual of good moral values to be highlighted during morning assembly in National Schools.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Nilai-nilai merupakan sesuatu yang subjektif hasil dari pengalaman hidup sosial seseorang dengan masyarakat dan alam sekeliling melalui pertimbangan fikiran dan perasaan atau emosi manusia. Hasil dari pertimbangan akal dan perasaan manusia itu, maka manusia akan mengkategorikan sesuatu nilai itu baik atau buruk mengikut apa yang dihadapinya (Sufean Hussin. 1995: 9). Manusia itu sendiri akan meletakkan baik atau buruk mengikut ilmu pengetahuannya sendiri sama ada mendatangkan kebahagiaan dan kebebasan kepada manusia tersebut. Nilai-nilai ini akan mencorakkan tingkah laku dan budi bahasa mereka. Kecenderungan ini mengakibatkan pelbagai pendapat dan pandangan mengikut versi pilihan budaya sesuatu masyarakat itu.

Berdasarkan itu, nilai-nilai ini perlu dimurnikan dengan ajaran Islam. Kedatangan Islam mengangkat martabat manusia baik lelaki mahupun wanita, baik kanak-kanak mahupun dewasa ke tahap kemanusiaan yang tinggi dengan membina rohani dan emosi, mengilap akal fikiran sehingga melahirkan budi pekerti dan akhlak mulia (Abdul Rahman Umdirah. 1995: 18). Menurut Taufik Abdullah dan M. Rusli Karim (1989: 53), untuk mengenali dan mempelajari agama Islam terlebih dahulu perlu mengenali, mempelajari dan mencintai akhlak nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad SAW sebagai contoh utama dalam meningkatkan nilai-nilai murni dalam setiap bidang kehidupan sama ada pendidikan, kekeluargaan, ekonomi, politik dan lain-lain lagi.

Nabi Muhammad SAW merupakan nabi dan rasul penutup yang diutuskan kepada seluruh manusia yang paling sempurna kejadiannya, paling tinggi dan mulia akhlaknya, ilmu pengetahuan yang tiada tandingan didatangkan dengan syariat yang sempurna (Norizan Muhammad dan Siti Sumayya (2005: 20). Lantaran itu, umat Islam perlu mengambil contoh tauladan agung ini iaitu nilai-nilai murni yang ditinggalkan, sama ada daripada sunnah dan sirah nabi Muhammad SAW, melalui pembelajaran secara formal mahupun tidak formal serta melalui bahan-bahan bacaan sirah. Tidak dinafikan terdapat banyak penulisan sirah yang ditulis oleh pengarang dan tokoh-tokoh ulama Islam, tetapi untuk kajian ini, pengkaji memilih penulisan sirah *Abī Al-Hasan Alī Al-Hasani Al-Nadawiy* sebagai bahan rujukan kajian.

*Abī Al-Hasan Alī Al-Hasani Al-Nadawī*¹ merupakan seorang tokoh intelektual Islam yang dihormati dan disegani. Ketokohan beliau bukan sahaja di India bahkan melangkaui segenap pelusuk dunia. Pemikiran beliau meliputi pelbagai bidang pendidikan, dakwah, tasawuf, sirah, sejarah dan lain-lain lagi. Beliau juga sedaya upaya menyedarkan umat Islam peri pentingnya pendidikan membentuk nilai-nilai murni dalam jati diri anak-anak dari pengaruh pendidikan barat melalui penulisan hasil karya beliau merujuk kepada sirah nabi Muhammad SAW. Menurut beliau, barat tidak akan berputus asa untuk menanamkan fahaman materialisme (kebendaan) dalam diri anak-anak kerana fahaman ini merupakan perancangan halus dalam mencapai hasrat mereka. (Mohamad Kamil Hj Ab Majid 2000: 122).

Al- Nadawī menyeru umat Islam bahawa untuk membebaskan dari pendidikan barat perlu kembali kepada al-Quran, al-Sunnah dan sirah Nabi

¹ Kajian ini akan menyelaras dan mengguna pakai gelaran al-Nadawī iaitu rujuk kepada penulis kitab yang menjadi subjek kajian ini.

Muhammad SAW dengan sebenar-benarnya. Pembebasan pendidikan barat itu bermaksud jasmani, rohani dan intelektualnya iaitu memahami, menjiwai, menghayati hingga melahirkan peribadi agung yang cintakan Allah dan rasul lebih dari segalanya. Usaha al-Nadāwīy membebaskan pemikiran, emosi dan jasmani dari pengaruh barat ini berterusan dengan pelbagai cara. Antaranya melalui bidang penulisan, bukan sahaja bahan bacaan untuk orang dewasa, tetapi tidak dilupakan untuk memberikan perhatian khusus buat kanak-kanak sebagai pemimpin generasi akan datang dengan mengarang siri bacaan kanak-kanak. Kandungannya mudah difahami melalui nilai keimanan yang diterapkan menyentuh emosi dan hati kanak-kanak sehingga Sayyid Quṭb memberikan gambaran bahawa sirah di dalam kitab ini dapat membentuk akhlak mulia bagi pembaca yang menjiwai suasana dan sirah tersebut. Kitab yang dimaksudkan ini adalah kitab *Sīrah Khātamun al-Nabīyyīn Lil Aṭfal* cetakan 2013² (Abu ‘Ali Al-Banjari An-Nadwi 2000: 74).

Justeru itu, pengkaji akan mengupas apakah nilai-nilai murni nabi Muhammad SAW melalui penulisan al-Nadāwīy dalam bab akan datang. Terlebih dahulu sebagai bab permulaan, bab ini menjelaskan penulisan kajian mengenai permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan dan kepentingan kajian, skop kajian ini dijalankan, tinjauan kajian lepas, metodologi yang diguna pakai di dalam kajian ini, definisi operasi kajian dan kesimpulan kajian.

² 2013 merujuk kepada cetakan kitab bahasa Arab *Sīrah Khātamun Nabīyyīn Lil Aṭfal*. 2013. Qaherah: Dar al-Kalimah.

1.2 Permasalahan Kajian

Pembangunan negara merangkumi bidang ekonomi, politik, budaya dan tidak terkecuali juga tahap pendidikan yang menggerakkan masyarakat untuk berubah ke arah yang lebih baik. Pendidikan yang baik memandu manusia seiring ke arah pembangunan material dan rohaniah dengan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, sebaliknya berlaku pemikiran sekular dan budaya barat masih lagi mempengaruhi di dalam sistem pendidikan. Buktinya Mohd Kamal Hassan (1988: xi) mengatakan, tanpa kita sedar bahawa kita masih lagi mengambil pendidikan barat dengan mementingkan aspek kebendaan yakni dari sudut penguasaan luaran murid tanpa mementingkan aspek rohani yakni keberhasilan murid dari sudut dalaman di mana bagi budaya barat kerohanian adalah hak persendirian.

Begitu juga Syed M. Naquib Al-Attas menambah (2005: 135), bahawa kehilangan adab menjadi punca kesukaran ilmu untuk disampaikan dan dihayati serta diamalkan dalam kehidupan. Lantaran itu menurut beliau adab perlu diperbetulkan terlebih dahulu. Menurut beliau lagi, kesan kehilangan adab luaran dan dalaman manusia melahirkan pucuk pemimpin yang tidak layak memimpin dan mempertahankan kedudukan mereka tanpa memperdulikan peradaban budaya, bangsa dan agama.

Pembentukan adab ini tidak berlaku secara terus menerus seperti yang dinyatakan oleh Hasan Langgulung (1980: 162), ia berlaku peringkat demi peringkat dan memerlukan waktu untuk melahirkan generasi yang beradab. Usaha ini bukanlah mudah kerana adab dipengaruhi dari seluruh sudut individu manusia itu. Pembentukan adab merupakan usaha dan kerjasama dari pelbagai pihak, bermula dari pendidikan di rumah semenjak dari kandungan ibu yang mengandung dan

lahirnya bayi tersebut ke dunia. Adab tidak dibentuk dengan teori dan penyampaian ilmiah sahaja tetapi adab terbentuk dari didikan sama ada dari penyampaian ibu bapa dan guru juga contoh teladan yang dilihat. Hasil kajian Shaik Abdullah Hassan Mydin (2010:228) berkaitan contoh tauladan dari ibu bapa dan guru ini, mendapati bahawa kekangan yang berlaku dalam menghayati pendidikan Islam khususnya soal akhlak atau adab adalah kerana ibu bapa dan guru itu sendiri tidak melakukan apa yang disampaikan oleh mereka. Bagaimana adab dapat dibentuk jika contoh yang patut diikuti tidak menunjukkan contoh tauladan yang sebenarnya.

Selain dari pengaruh contoh tauladan tersebut, pembentukan adab dan akhlak anak-anak dipengaruhi oleh sistem pendidikan. Menurut al- Nadāwīy (1987: 10), barat tidak pernah berhenti untuk membawa umat Islam mengikut sistem pendidikannya, kerana mereka percaya apabila sistem pendidikan mereka diguna pakai oleh umat Islam, jiwa umat Islam akan kurang dari agama, akhlak, rohani serta aqidah dan membawa umat Islam mementingkan kebendaan serta pangkat, kuasa dan harta menjadi agenda utama lebih dari aspek akhlak dan rasa tanggungjawab terhadap agama. Punca berterusannya pergolakkan ini berlaku kerana umat Islam menggunakan rujukan dari barat iaitu untuk penyusunan silibus pembelajaran sehingga menjadikan sistem pendidikan dualisme iaitu kurangnya hubungan antara pendidikan agama dan pendidikan sekular. Pendidikan agama disempitkan dan tidak dihubungkan dengan kehidupan harian menjadi punca kemerosotan akhlak di kalangan generasi muda kini (Mohd Hairudin Amin dan Kamarul Azmi Jasmi. 2012: 98).

Mohd Nasir Ayub (2015: 2) menambah bahawa umat Islam sendiri akan menjarakkan atau menjadi asing dalam pendidikan agamanya sendiri, disebabkan

oleh kesilapan atau kealpaan penyusunan sistem pendidikan yang tidak mengikut corak pendidikan Islam yang sebenar. Jika diperhatikan ketika ini, sistem pendidikan sering berubah-ubah tujuannya untuk memperbaiki supaya menjadi baik tetapi sebaliknya yang didapati bahawa akhlak dan nilai manusia semakin terhakis. Pendidikan yang hendak dihasilkan tidak seperti yang diharapkan.

Hal ini turut dinyatakan oleh Mohd Zamrus Mohd Ali (2017: 7), bahawa pembangunan kebendaan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi telah maju ke hadapan berbanding pembangunan insan melalui penerapan nilai-nilai murni. Sedangkan penerapan nilai-nilai murni ini perlu sebagai kekuatan, sokongan dan dorongan dalam hidup secara individu mahupun bermasyarakat (Hasan Langgulung, 1991: 21). Sains dan nilai yang baik atau aspek ketuhanan dianggap berbeza dan asing, sedangkan sains teknologi dan aspek ketuhanan atau agama boleh saling kait mengait antara satu sama lain. Mohd Kamal Hassan (1988: 10), mengatakan bahawa inilah cabaran dan masalah yang perlu dihadapi kini, di mana guru-guru agama kurang terdedah dengan sains begitu juga guru sains tidak mendapat pendedahan yang sepatutnya dalam mengaitkan agama dan penerapan nilai yang baik di dalam subjek tersebut. Akibatnya ilmu-ilmu tersebut dipisah-pisahkan menjadi asing. Bukan setakat sains dan teknologi sahaja, bahkan disiplin ilmu yang lain iaitu matematik, sejarah dan lain-lain lagi

Akibat dari itu, pengisian pendidikan yang salah akan memberi kesan kepada pembentukan diri seseorang Muslim kerana kekosongan ilmu yang sepatutnya dalam pengisian akal, emosi dan dizahirkan melalui jasmani. Jasmani Kita tidak mahu pendidikan moden ini mengabaikan pendidikan rohani generasi akan datang. Semua ini memerlukan perancangan dan kerja keras yang menyeluruh oleh setiap umat

Islam supaya umat Islam mempunyai identiti sendiri tanpa mengambil identiti dari mana-mana pihak. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti apakah yang dimaksudkan kekosongan akal, pengabaian emosi dan pengabaian rohani supaya masalah ini dapat diatasi dengan baik dan dapat mengabung-jalinkan segala nilai-nilai yang baik ini dengan semua disiplin ilmu.

1.2.1 Kekosongan Akal

Menurut Kamus Dewan (2014: 22), akal ialah budi atau fikiran, daya upaya, ikhtiar, muslihat, tipu daya. Abdullah Nasih Ulwan (1988: 299), mengatakan bahawa akal perlu diberi pendidikan dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat iaitu ilmu syariat, ilmu moden dan lain-lain lagi. Tanggungjawab pada akal atau mental ialah kewajipan belajar, kesedaran dan kesihatan akal atau mental. Berlaku sebaliknya, yakni tanggungjawab pada akal iaitu belajar, dan menjaga kesihatan mental tidak dilaksanakan dengan sebenarnya, seperti yang dinyatakan oleh al-Nadāwīy (1987:10), pendidikan sejak dari kanak-kanak lagi telah diterapkan dengan ilmu dan falsafah barat melalui bahan-bahan pembacaan dan pembelajaran tanpa diserapkan dengan jiwa dan roh. Menurut al-Nadāwīy lagi, pengisian ilmu melalui pembacaan bahan-bahan tersebut adalah kosong daripada pengisian agama yang tulen. Maksud pengisian agama yang tulen ialah terserap di dalamnya ilmu agama yang mempunyai roh Islam.

Pelbagai usaha dilakukan untuk pembangunan pendidikan supaya pembelajaran yang diterima melalui landasan yang sebenar dan ini diperakui oleh Mohd Nasir Ayub (2015: 2) bahawa negara-negara Islam berusaha mencari penyelesaian masalah yang dihadapi supaya nilai-nilai murni dapat dihayati dan menjadi agenda utama khususnya dalam sistem pendidikan negara. Manakala

menurut Rohana Hamzah (2010: 53), kekeliruan berlaku kepada pendidik, kerana kecemerlangan yang ada lebih menjurus kecemerlangan pendidikan diukur melalui pemilihan atau penguasaan untuk memiliki gred A yang banyak. Manakala sikap atau adab nilai-nilai murni menjadi sampingan sahaja dan tidak dijadikan sebagai pendidikan utama.

Tuntutan kewajipan belajar merupakan tanggungjawab pada akal, akal adalah alat untuk menguasai ilmu pengetahuan. Penguasaan ilmu pengetahuan boleh berlaku melalui pengamatan, merenung, melakukan kajian dan menganalisis dengan menghubungkan segala ilmu tersebut dengan alam ciptaan Allah SWT (Danial Zainal Abidin. 2005: 120). Namun begitu, al-Nadāwīy (1996: 151) mengatakan bahawa sumber ilmu pengetahuan umat Islam beku dan jumud. Inovasi-inovasi dalam perkembangan ilmu Islam dibatasi dengan mengatakan bahawa *bid'ah*, sesat, haram dan lain-lain lagi. Sedangkan barat mereka bertungkus lumus mengkaji dan menyelidik hingga mereka berjaya menggali ilmu pengetahuan untuk kemajuan kehidupan mereka.

Menurut al-Nadāwīy lagi (1996: 182), menjadi tugas para ilmuwan dan ulama Islam untuk menyuburkan kembali otak yang beku tersebut kepada keghairahan dalam menuntut ilmu hingga ilmu itu menjadi sumber keteguhan iman dan ketenteraman hati manusia. Antara cara menggali ilmu pengetahuan adalah melalui pembacaan. Abdullah Nasih Ulwan (1988:350) mengingatkan kepada semua penjaga dan pendidik anak-anak mengenai kesedaran atau pengisian akal melalui bahan bacaan. Sebagai contoh situasi masa kini anak-anak lebih mengenali tokoh-tokoh atau ahli falsafah barat daripada ahli sarjana dan alim ulama Islam, menyukai bahan-bahan bacaan picisan seperti cerita hantu atau majalah lucah dari buku-buku atau

majalah daripada membaca bahan bacaan yang berasaskan perundangan Islam, ketamadunan Islam dan sebagainya. Menjadi kewajipan kepada para pendidik untuk memastikan bahan bacaan anak-anak tidak menyeleweng dari tujuan pendidikan yang sebenarnya.

Selain bahan bacaan, Abdullah Nasih Ulwan (1988: 352), juga menyebut bahawa kesihatan akal perlu dijaga melalui kesepakatan para doktor iaitu bahayanya minum arak, bahayanya merokok, bahayanya melihat filem-filem lucah serta gambar-gambar yang menaikkan nafsu syahwat. Semua ini menyumbang kepada kemudaratan akal yang membawa kepada kerosakan emosi dan jasmani manusia. Menurut Danial Zainal Abidin (2005:113), bahaya minum arak kerana terdapat di dalamnya bahan perosak otak iaitu alkohol dalam bentuk etil dan juga sejenis dari bahan dadah. Di mana kita ketahui bahawa dadah juga diharamkan di dalam Islam kerana menjadi punca rosaknya akal. Bukan sahaja arak dan dadah merosakkan begitu juga merokok. Merujuk kepada situasi semasa, Ahmad Farid Nazmi (2018) ketua unit kawalan rokok dan vape I-Medik memetik kajian yang dilakukan oleh Tabacco @ E- Cigarette Survey Among Malaysia Adolescents (TECMA) tahun 2016, aktiviti merokok bukan sahaja di kalangan dewasa tetapi turut dilakukan oleh remaja sekitar umur 10 hingga 18 tahun di Malaysia iaitu seramai 524.232. Manakala Utusan Online (2017), menyatakan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan 4.7 juta perokok rakyat Malaysia. Walaupun terdapat beberapa usaha ke arah untuk mengurangkan jumlah statistik tersebut tetapi masih di tahap yang membimbangkan seperti tajuk kenyataan akhbar bahawa rokok salah satu faktor utama kematian di negara ini (Berita Harian Online: 2017).

Al-Nadāwīy (1987: 11), mengakui tugas ini bukan mudah, tetapi perlu dilaksanakan supaya tidak menjadi racun kepada umat Islam. Muhamad Salih Samak (1983: 16), menyatakan Islam mengharamkan umatnya merosakkan akal fikiran. Rosaknya akal fikiran bermaksud jatuhnya maruah umat Islam. Berdasarkan itu, perlunya penyusunan disiplin ilmu pengetahuan yang bersumberkan al-Quran, al-sunnah, sirah nabi Muhammad SAW, pembacaan bahan-bahan berkaitan Islam serta menjaga kesihatan akal dari melakukan perkara-perkara yang memudaratkan dan sia-sia. Kesemua ini membantu mengisi kekosongan akal manusia dari aspek pemikiran dan pengaruh budaya barat. Akal yang sihat mengembalikan fitrah kejadian manusia yang sebenar iaitu manusia yang patuh kepada perintah dan suruhan Allah SWT.

Isu kesihatan mental tidak boleh di anggap kecil. Kesihatan mental merupakan isu besar sehinggakan terdapat sambutan yang dibuat di seluruh negara. Sambutan hari mental ialah pada bulan 10 Oktober setiap tahun, untuk meningkatkan kesedaran kepada warga negara bahawa penyakit mental merbahaya jika tidak di kawal dan dikenal pasti dengan awal (Ramli Musa. 2015). Penyakit mental ini perlu dirawat, dengan memberikan kefahaman kepada orang ramai mengenai kesedaran dan cara-cara mencegahnya dari berlaku kerana wujudnya perkaitan penyakit mental dengan kadar jenayah yang berlaku kini hingga sampai ke tahap yang membimbangkan (Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa & Jalamudin Ramli. 2005: 1)

Siti A'isyah Sukaimi (2016) memetik ucapan daripada Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, masalah mental berlaku tanpa mengenal usia sama ada orang dewasa mahupun remaja. Begitu juga boleh berlaku pada orang kaya mahupun orang miskin. Data statistik menunjukkan bahawa 4.2 juta rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun

ke atas mengalami penyakit mental. Lantaran itu wujudnya pelbagai kaedah dan cara untuk mengatasi masalah ini, salah satunya ialah dengan cara menjawab soalan melalui saringan DASS secara online. DASS singkatan dari perkataan bahasa Inggeris iaitu Depression Anxiety Stress Scale, ujian saringan ini bukanlah diagnosis tetapi sebagai ujian saringan awal dan sebagai panduan untuk mengetahui tahap kemurungan, kerisauan dan tekanan hidup seseorang. Pada tarikh 29 November 2018, di laman facebook Public Health Malaysia telah membuat pengumuman bahawa saringan DASS version 2 telah dilancarkan lebih kurang sebulan yang lepas dan 100,000 orang telah melakukan saringan kesihatan mental mereka. Saringan DASS ini sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mental di kalangan rakyat Malaysia. Pautan untuk saringan ini boleh di dapati dari www.tinyurl.com/phmdass2. Sekiranya terdapat simptom-simptom yang menunjukkan ke arah penyakit mental, maka individu tersebut boleh menunjukkan hasil bukti jawapan tersebut ke klinik yang berdekatan. Wujudnya ujian ini menunjukkan bahawa betapa sibuknya manusia dengan pelbagai aktiviti kehidupan di zaman kini dan ujian ini juga memudahkan urusan orang ramai untuk mengetahui sejauhmana bermasalah atau tidak mental seseorang itu dari peringkat awal.

Justeru itu, kajian ini perlu dilakukan untuk mengisi kekosongan akal yang berlaku ini, walaupun pelbagai kaedah dan cara dibuat untuk membaiki permasalahan akal ini tetapi jika tidak kembali kepada rujukan al-Quran dan sunnah nabi, semua masalah ini tidak akan dapat diselesaikan dengan baik bahkan mungkin menjadi lebih parah lagi.

1.2.2 Pengabaian Emosi

Emosi berbeza dengan akal. Allah SWT mengurniakan akal kepada manusia sahaja, manakala emosi terdapat pada manusia dan juga haiwan (Mahmood Nazar. 2001: 314). Mahmood Nazar (2001: 316), menukilkan pandangan mengenai emosi dari William James, Wilhelm Wundt dan Edward Titchner iaitu emosi terhasil dari pengalaman subjektif, hasil tindak balas dalaman tubuh, penilaian pegangan atau kepercayaan terhadap sesuatu keadaan baik atau buruk, reaksi air muka dan tindak balas dari punca emosi itu sendiri. Emosi mempunyai gabungan dengan akal seperti mana yang dijelaskan oleh teori kognitif Schachter-Singer bahawa emosi akan di hantar ke bahagian talamus, kemudian ke hipotalamus hingga terhasil pada reaksi fizikal manusia hasil dari penilaian kognitif manusia (Mahmood Nazar. 2001: 321). Hasil dari maklumat yang ada atau maklumat lampau akan membuat pertimbangan terlebih dahulu pada emosi tersebut.

Merujuk kepada pengabaian emosi ialah apabila emosi itu tidak dapat dikawal dengan ilmu. Mereka mudah terikut-ikut dengan keadaan persekitaran mereka (Nur Aniza. Et.al, 2012: 100). Persekitaran yang dimaksudkan oleh Faridah Nasir. Et.al. (2014: 40), ialah dari pemakanan, keluarga, rakan sebaya, sekolah, tempat kediaman, begitu juga maklumat penyebaran umum yang boleh diperolehi dengan mudah. Maklumat kini dihujung jari, apa sahaja maklumat mudah dan cepat sampai kepada umum dan seterusnya menjadi ikutan. Jika maklumat tersebut baik, maka baiklah hasil interaksi tersebut tetapi jika sebaliknya ia akan membawa kerosakan kepada manusia tersebut.

Buktinya di dalam laman web Babab.net (2018), viral lagu *keke challenge*, sangat mengejutkan kita, manusia seperti sudah hilang pertimbangan. Fenomena

hedonisme melupakan kesan bahayanya perbuatan keluar dari kereta dan menari sambil kereta berjalan perlahan ditepinya tanpa menghiraukan kenderaan di luar. Al-Nadāwīy (1987:34), mengatakan perkara sebegini iaitu budaya, pemikiran dan peniruan dari barat perlu dihentikan segera supaya umat Islam tidak ditimpa dengan bencana yang lebih besar lagi.

Pengabaian emosi berlaku apabila seseorang individu itu tidak mengetahui keperluan emosinya. Kerana itu kajian demi kajian dilakukan untuk mengetahui apakah keperluan emosi hingga berlaku pengabaian emosi ini. Kajian emosi perlu dilakukan kerana menurut pandangan M. Darwis Hude (2006: viii), kejayaan seseorang individu itu bukan hanya bergantung kepada kecerdikan akal semata-mata tetapi juga berkaitan dengan emosi seseorang.

Menurut Anjli Doshi-Ghandi (2014) pula, emosi seseorang itu terabai apabila tidak mendapat sokongan daripada rakan dan keluarga terdekat apabila mereka ditimpa masalah. Lebih-lebih lagi masalah itu tidak ada yang boleh membantu untuk menyelesaikan dan membiarkan diri individu tersebut berseorangan untuk menyelesaikannya. Pandangan ini berpadanan dengan pandangan Mohammad Ramzi Zakaria (2015: 37), bahawa pengabaian dan kecuaiian menjadi punca utama emosi anak-anak terusik dan terbiar. Kecuaiian dan pengabaian ini melibatkan fizikal, seksual dan emosi anak-anak. Kesan jangka panjang emosi yang tidak dibela ini akan timbul melalui penyalahgunaan dadah, merasa rendah diri tahap kronik, mengikut pergaulan rakan-rakan yang tidak sihat dan lain-lain punca masalah kerana emosi yang terabai. Punca utama berlaku pengabaian emosi ini ialah kurangnya perhatian daripada ibu bapa yang sibuk bekerja juga kesan pendidikan ibu bapa sejak kecil yang tidak mengambil berat emosi anak-anak melalui sokongan dan motivasi

terhadap permasalahan anak-anak. Juga suasana persekitaran memainkan peranan yang penting dalam membangunkan emosi anak-anak.

Asmawati Che Hasan menulis di dalam artikel yang bertajuk ‘Penganiayaan kanak-kanak, di mana sudahnya?’ Menyebut kenyataan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai statistik tahun 2016 mengenai dera dan aniaya kanak-kanak sebanyak 4,982 kes. Tahun 2017 semakin meningkat sebanyak 460 kes, keseluruhannya berjumlah 5,442. Manakala tahun 2018 laporan dari bulan Januari hingga April iaitu selama 4 bulan sahaja terdapat 1,929 penderaan dan penganiayaan yang telah di laporkan. Jumlah keseluruhan 3 tahun iaitu tahun 2016, 2017 dan 2018 sebanyak 7,371 kes. (<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/penganiayaan-kanak-kanak-di-mana-sudahnya-1.746026>).

Jadual 1.1: Laporan Kes Dera dan Aniaya Kanak-kanak

Tahun	Laporan Kes Dera dan Aniaya Kanak-kanak	Jumlah
2016	4,982	4,982
2017	460	5,442
2018	Januari - April 1,929	7,371

(Sumber: (<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/penganiayaan-kanak-kanak-di-mana-sudahnya-1.746026>).

Dua tahun empat bulan sahaja, jumlah kes laporan yang diterima sebanyak 7,371. Kes ini merujuk kepada laporan yang diterima, yang belum dilaporkan bahkan lebih banyak lagi. Penderaan dan penganiayaan emosi ini perlu dibendung segera. Emosi perlu dipelihara semasa anak-anak lagi, kerana pembentukan emosi dari

kanak-kanak mempengaruhi seseorang individu itu sehingga dewasa. Anak-anak ini bakal menjadi pemimpin di masa depan, baik memimpin diri sendiri, keluarga, masyarakat setempat seterusnya pemimpin negara. Pengabaian emosi ini saling berkait rapat dengan rohani kerana kedua-duanya mempunyai perkaitan dalam pembangunan insan manusia. Emosi ialah perasaan yang memerlukan sokongan dan dorongan dari pergaulan sesama manusia manakala rohani pula ialah keperluan kekuatan dalaman untuk menyokong emosi yang terabai tersebut terus hanyut ke dalam kancuh kerosakan dan kebinasaan. Justeru itu, kajian ini perlu di lakukan untuk mencari apakah penyelesaian kepada kekuatan emosi dan rohani manusia untuk menjadi manusia yang stabil dari semua segi samada akal, emosi, rohani dan jasmani.

1.2.3 Pengabaian Rohani

Rohani individu perlu dibangunkan dan dibina terlebih dahulu untuk pembangunan manusia secara bersepadu. Roh yang mantap membawa kepada kesatuan akal, emosi dan jasad yang bertugas memandu perkembangan manusia seluruhnya (Mohd Kamal Hassan. 1988: 294). Akibat dari pengabaian dan pengasingan pendidikan aspek kerohanian dan agama membawa kepada gejala kemerosotan nilai akhlak yang berleluasa. Seperti ponteng sekolah, merokok, penyalahgunaan dadah, amalan minuman keras dan berzina sehingga kerap dipaparkan di dalam media sosial seolah-olah sudah menjadi kebiasaan dan sebahagian di dalam kehidupan masyarakat. Begitu juga isu rasuah, keruntuhan institusi kekeluargaan melalui hubungan terlarang hingga melahirkan waris-waris yang tidak diketahui asal usul keturunan dan berbagai lagi permasalahan sosial dan isu

akhlak yang berlaku akibat dari pemisahan agama atau kerohanian dalam kehidupan (Mohd Kamal Hassan, 1988: 291).

Al-Nadāwīy (1996: 150) menyebut bahawa umat Islam kini, tidak berbeza dengan umat lain. Puncanya adalah kerana umat Islam telah kehilangan iman dan kekuatan rohani yang membawa kepada semangat dalam agama. Hal ini turut dikongsi oleh Mohd Kamal Hassan (1988: 190), perbuatan manusia itu sendiri yang mengingkari garis panduan hidup yang ditetapkan oleh Allah SWT menjadi punca umat Islam rosak dan tidak ada bezanya juga dengan umat yang lain kerana mengabaikan atau meninggalkan terus suruhan dan amanah Allah SWT.

Masalah ini perlu diatasi segera, melalui bimbingan dan kesedaran diri manusia bermula dari kanak-kanak. Faktor kesedaran diri yang paling utama dalam membaiki sistem keruntuhan akhlak yang berlaku kini. Hasil kajian Wahab (2004: 64), mendapati bahawa 22.8 peratus daripada responden mahukan agama sebagai kaedah dalam membanteras gejala tidak bermoral ini. Ditambah dengan cadangan Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon, & Asma' Wardah Surtahman (2015: 12), bahawa pusat pendidikan perlu menitikberatkan aspek akhlak dan ibu bapa berperanan dalam mendidik perlakuan anak-anak. Seperti juga yang telah ditegaskan juga oleh Husin Junoh (2011: 3), pendidikan adab bermula ketika anak masih kecil dari rumah yakni ibubapa atau penjaga, guru-guru, sekolah, dan masyarakat sekeliling dengan istiqamah dan mementingkan solat sebagai asas membentuk peribadi anak.

Aswati binti Hamzah (2007: 2) berkata, arus perubahan dunia yang moden membawa kesan yang besar kepada keruntuhan sistem akhlak dan nilai dalam budaya hidup seharian orang Melayu tidak mengira usia, pangkat dan lain-lain.

Faktor utama yang mempengaruhi ialah persekitaran sosial dan kurangnya daya tahan agama di dalam diri orang Muslim. Hasil kajian beliau mendapati, secara keseluruhannya pegangan dan pilihan sikap pelajar Melayu membawa kepada pembentukan akhlak dan mereka terikut-ikut dengan perubahan yang berlaku di dalam perhubungan budaya dan sosial kini. Tidak salah untuk bersosial tetapi seorang Muslim yang berjaya ialah yang menjaga nilai akhlaknya dan mempunyai jati diri yang teguh. Pendapat ini selaras dengan pendapat al-Nadāwīy sepertimana yang dinyatakan oleh Che Zarrina binti Sa'ari (2000: 200), jati diri sebagai penawar dalam membangunkan keyakinan umat Islam untuk mengembalikan tamadun peradaban Islam yang tinggi. Rasulullah SAW mengajar kepada kita bahawa dalam apa situasi yang berlaku, sebagai Muslim yang sejati perlulah kuat keyakinannya kepada Allah dan tidak menyerah kalah kepada sebarang bentuk perubahan yang berlaku.

Sejajar dengan pandangan Aswati binti Hamzah ini, realitinya memang benar bahawa peningkatan gejala yang tidak bermoral ini seiring dengan peningkatan tahun. Buktinya ialah merujuk kepada hasil kajian Haris Abd Wahab (2004: 66), terhadap masalah akhlak dikalangan remaja lelaki di bandar di Semenanjung Malaysia tiga aktiviti yang paling tinggi dilakukan oleh mereka ialah hisap rokok (17.1 %), mengambil dadah (13.2%) dan lumba motor tidak mengikut undang-undang (10.9%). Manakala bagi remaja perempuan pula yang paling banyak ialah membuang masa bersama kawan-kawan (14.7), tidak mengikut peraturan sekolah (13.7%) dan suka hubungan di antara lelaki dan perempuan (13.1%). Perubahan tahun demi tahun tidak mengurangkan jumlah gejala sosial ini, bahkan setelah 10 tahun berikutnya iaitu tahun 2014 di dalam Sinar Online yang bertarikh 17 Ogos 2014 Superintendan Abdullah Arshad ketua polis Daerah Kulim melaporkan data

remaja yang terlibat dengan jenayah dan kemalangan yang membabitkan kematian juga meningkat. Apabila penguatkuasaan dilakukan di jalan raya didapati kebanyakan yang ditahan membabitkan anak-anak yang berusia 12 hingga 15 tahun (Sinar Harian, 2014).

Begitu juga kes buli membimbangkan pelbagai pihak hingga boleh mendatangkan mudarat bagi mangsa sehinggakan membawa maut. Mengikut laporan Berita Harian Online (Ali, 2014) kejadian buli ini kebanyakannya terjadi di sekolah yang berasrama dan tidak terkecuali sekolah yang tinggi prestasinya. Lebih malang lagi laporan yang diterima kebanyakan mangsa buli beragama Islam dan undang-undang sekolah tidak dipedulikan. Kes buli tidak terhenti setakat ini sahaja pada tahun 2017 kita dikejutkan dengan kematian Allahyarham Zulfarhan Osman Zulkarnain 21 tahun penuntut di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), akibat dari kes buli yang melampaui batasan kemanusiaan (Kamal, 2017). Begitu menyentuh hati, seolah-olah besar kesalahan yang dilakukan hingga sewenang-wenangnya mereka melakukan hukuman sebegitu tanpa usul periksa secara adil. Bayangkan jika mereka yang terlibat dengan kes buli, mencuri, dadah, merokok dan pelbagai lagi masalah sosial yang berlaku ini bakal menjadi pemimpin negara.

Perbincangan dan penyelidikan banyak dilakukan dalam bab keruntuhan nilai-nilai murni dan gejala sosial di Malaysia iaitu isu mat rempit, ponteng sekolah, dadah, merokok, berzina, mencuri dan pelbagai lagi. Masalah sosial berlaku apabila individu itu melakukan sesuatu perkara yang tidak mendatangkan manfaat akibat dari keliru mengenali potensi diri (Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, 2011:116) sehinggakan perkara tersebut berlawanan dengan adat budaya Melayu dan ajaran Agama Islam (HanXiao@Indah, 2011:130) juga kesan negatif kepada kepada

negara (Husin Junoh, 2011:3). Masalah sosial ini tidak mengira tahap umur, peringkat sekolah rendah sudah pun berlaku antaranya kes ponteng sekolah. Sepatutnya anak-anak ini menimba ilmu di sekolah, tetapi mereka beralih ke tempat lain untuk melakukan aktiviti yang tidak berfaedah. Daripada kes ponteng sekolah ini boleh berlakunya kes mencuri, pergi ke kedai internet untuk bermain game, melepak membuang masa dan berbagai lagi kes yang boleh berlaku (Mustaffa & Abd Jamil, 2012:51).

Sebagaimana yang dikupas oleh Azlina Abdullah (2010:6) pada tahun 2001 – 2005 sahaja, terdapat 123 penyelidikan masalah akhlak dan moral dilakukan termasuk tesis Sarjana dan PhD, samada kajian tersebut secara persendirian atau ada perbelanjaan kewangan yang menampung penyelidikan tersebut. Dari 123 penyelidikan ini, 67 (54.5%) dijadikan rujukan oleh badan kerajaan. 55 (44.7%) sebagai bahan rujukan penuntut di pusat pengajian dan satu sahaja menjadi bahan rujukan pihak swasta. Menjadi kerugian buat negara jika tidak dimanfaatkan sebaik mungkin hasil penyelidikan tersebut.

Begitu banyak penyelidikan dan kajian dilakukan, namun gejala sosial masih lagi berleluasa. Data dan statistik tidak menunjukkan penurunan bahkan lagi meningkat seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Jalan penyelesaian perlu dicari dan dilaksanakan dengan segera. Husin Junoh (2011:18) menegaskan bahawa kerohanian dan kepercayaan kepada agama merupakan asas yang kukuh dalam membenteng anak-anak dan remaja daripada terlibat dengan kegiatan yang melalaikan. Jiwa mereka perlu diisi dengan ilmu agama yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Nasir et al (2014: 2), pula menambah bahawa institusi kekeluargaan juga berperanan besar dalam pembangunan insaniah.

Kesibukan dalam mencari rezeki tidak boleh menjadi alasan dalam mendidik anak-anak kerana anak-anak merupakan amanah yang diberikan oleh Allah SWT.

Walaupun diketahui bahawa gejala sosial merupakan punca keruntuhan akhlak ketika ini, namun masalah yang lebih besar dan utama dari ini ialah masalah kepercayaan atau akidah umat Islam. Menjadi tugas buat pendidik untuk mendidik dan menghidupkan kembali aqidah atau kepercayaan yang mantap melalui penyuburan rohaniah jiwa generasi melalui perjalanan sirah nabi Muhammad SAW (Abu Hasan Ali Nadwi. 1983: 32). Analisa ditinjau kembali bagaimana zaman jahiliah sebelum kedatangan nabi Muhammad SAW dan ajaran agama Islam, terdapat banyak kemungkaran, pelacuran, penzinaan, anak-anak perempuan dibunuh, arak dan mabuk menjadi amalan harian, perjudian dan pelbagai lagi keruntuhan akhlak yang dahsyat. Tetapi dengan didikan nabi Muhammad SAW melalui wahyu Allah SWT masyarakat Arab di ketika itu berjaya berubah menjadi bangsa yang cemerlang, pemurah, pemaaf, berkasih sayang, hormat menghormati antara satu sama lain hinggalah generasi ketika itu mendapat julukan umat terbaik generasi bertaqwa kepada Allah SWT (Che Noraini Hashim, 2008: 77).

Menurut al-Nadāwīy (1987:12), tugas dan tanggungjawab ini bukan mudah, memerlukan kerjasama dari banyak pihak terutamanya dari pentadbir. Para pentadbir yang mengatur dan menyusun organisasi pendidikan mengikut kepakaran bidang masing-masing. Kesemuanya ini perlu mengandungi roh Islam sejati. Suatu susunan rangka sukatan pelajaran memerlukan sumber rujukan yang asli dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar tanpa menceduk dari mana-mana pandangan barat. Rujukan utama di dalam Islam sudah pasti kalam Allah SWT iaitu al-Quranul Karim kitab suci umat Islam yang diterjemahkan melalui utusannya yang mulia iaitu nabi

Muhammad SAW di dalam kehidupan seharian beliau yang dinamakan Sirah Nabawiah (al-Nadawiy. 1996:82).

Begitu juga pengkaji mengambil saranan dari Mohd. Kamal Hassan. (1988: 67), untuk melahirkan bakal pewaris pemimpin negara yang berakhlak mulia dan patuh kepada ajaran Islam perlulah memperkukuhkan nilai-nilai murni di dalam pendidikan samada pendidikan formal atau tidak formal. Di dalam pendidikan formal guru-guru, pensyarah dan pendidik perlulah mencari kaedah pengajaran untuk semua disiplin ilmu yang mempunyai nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni ini perlu dijadikan contoh tauladan terlebih dahulu daripada para pendidik itu sendiri. Contoh tauladan pendidik ini menjadi teladan buat anak-anak dan tidak ada contoh nilai akhlak yang paling baik untuk dijadikan panduan melainkan contoh teladan yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW.

Pengutusan nabi Muhammad SAW sebagai mengangkat tamadun manusia untuk mengenal, mengakui dan mengabdikan diri ke hadrat Allah SWT berlandaskan syariat yang diturunkan oleh Allah SWT juga membangunkan tamadun manusia dengan membina nilai akhlak mulia dan terpuji (al-Nadwi, 2009: 1). Akhlaknya dikagumi bukan sahaja umat Islam bahkan tidak kira agama, bangsa dan negara. Ahmad Zaharuddin Mohd Zabidi (2013: 23), memetik kata-kata Edward Gibbon (1737-1794) tokoh sejarawan hebat di zamannya ada menyebut di dalam buku yang bertajuk *'History of The Saracen Empire* (1870) London:

“Kejayaan hidup Muhammad yang luar biasa disebabkan oleh kekuatan akhlak semata-mata tanpa pukulan pedang”

Manusia yang berbilang bangsa kagum terhadap nabi Muhammad SAW adalah kerana akhlaknya yang terpuji. Setinggi manapun sesebuah tamadun itu dibina tetapi sekiranya nilai akhlak mundur, maka tamadun itu tidak akan bertahan lama. Umat Islam bertuah kerana memiliki contoh peribadi yang hebat iaitu nabi Muhammad SAW. Kedatangan baginda menakjubkan dunia kerana beliau mampu membawa kekuatan iman, kesabaran sehingga membawa pengaruh yang besar (Al-Nadwi. 1996: 82). Persoalannya di sini, bagaimana caranya kita mahu mengikut peribadi nabi Muhammad SAW, sedangkan baginda sudah meninggalkan kita 1400 tahun yang lalu?.

Justeru itu untuk mengembalikan kegemilangan nilai-nilai murni dan akhlak dalam kalangan generasi mendatang nilai-nilai murni perlu diperkasakan bersesuaian dengan tahap penerimaan pemikiran mereka dan pendidikan yang ditunjukkan oleh nabi Muhammad SAW sebagai utusan nabi yang terakhir melalui kaedah, strategi, teknik dan pendekatan yang berkesan. Nabi Muhammad SAW menjelaskan bahawa pengutusan beliau untuk menyempurnakan akhlak mulia sehingga diiktiraf oleh Allah SWT sepertimana firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya engkau mempunyai budi pekerti yang tinggi” (Surah al-Qalam, 68: 4).

Merujuk kitab Tafsir *Ibnī Katsīr* (2012: 70), Ma'mār menceritakan dari Qatādah, bahawa 'Āisyah pernah ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW maka 'Āisyah menjawab: “Akhlak beliau adalah al-Quran.” Jelas bahawa nabi merupakan model daripada al-Quran, melakukan segala perintah yang Allah berikan dan meninggalkan segala larangan Allah SWT. Akhlak beliau adalah akhlak yang paling

agung iaitu rasa malu, pemurah, berani, pemberi maaf, sabar, serta semua akhlak yang mulia ada pada peribadi beliau.

Keperluan nilai dalam kajian sirah nabi Muhammad SAW ini adalah kerana perlunya penambahbaikan dilakukan dalam pendidikan kerana merujuk kepada buku Pendidikan Nilai Merentas Kurikulum karangan Abd Rahim Abd Rashid (1993: 147), ada mengatakan bahawa dalam pendidikan moral terdapat masalah dalam kandungan pelajaran iaitu kerana nilai yang sama berulang-ulang kali dari tahun satu hingga enam dan ini membosankan pelajar dan guru juga didapati sukar untuk mengembangkan skop kandungan juga guru tidak dapat mempelbagaikan atau mengabung jalinkan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran serta kurangnya aktiviti pembelajaran dalam bentuk penghayatan dan amalan. Pendapat ini berpadanan dengan pandangan Nasir, Puteh, Don, Mohktar, & Dardaa, (2014: 3), bahawa pendidikan yang mementingkan sistem pemarkahan dari kemenjadian peribadi dikalangan murid juga teknik pengajaran yang tidak berkesan dan tidak menarik minat murid menjadikan pengajaran dan pembelajaran tersebut kaku dan tidak menarik.

Al-Nadāwīy (1987:21), menambah bahawa peranan guru sangat besar dalam penyampaian nilai melalui disiplin ilmu. Amat rugi sekali guru yang melaksanakan dasar pendidikan tidak menguasai nilai yang sebenar. Berkaitan hal ini al-Nadāwīy menyebut bahawa guru-guru yang dipilih untuk mendidik anak-anak beragama Islam bukan sahaja menguasai ilmu dan pedagogi pengajaran semata-mata tetapi perlu ditambah dengan mengambil kira akidah, akhlak dan nilai-nilai murni dalam memilih seorang guru atau pendidik itu.

Begitu juga, nilai dipilih dalam kajian ini adalah kerana nilai merupakan alat pengawalan sosial. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (1993: 123), apabila nilai difahami, nilai dapat mengawal masalah sosial pada tahap yang rendah atau mengurangkan masalah-masalah sosial dalam masyarakat yang mungkin dihadapi oleh anggota atau individu masyarakat. Dilema sosial yang mungkin dihadapi juga lebih fleksibel kerana darjah kefleksibelan nilai-nilai pengawalan sosial dapat membantu individu atau masyarakat keseluruhannya membuat keputusan yang lebih rasional terhadap isu dan masalah sosial yang dihadapi. Kestabilan nilai yang tinggi mencorakkan kestabilan sosial yang tinggi dan dapat mengurangkan banyak masalah sosial. Dilema sosial adalah pada tahap yang rendah kerana anggota masyarakat dapat membuat penyesuaian kepada perubahan-perubahan yang berlaku. Justeru itu, kayu ukur dalam menjadikan nilai amalan kehidupan perlu kepada contoh tauladan realiti yang berlaku dalam kehidupan dan kerana itu peribadi nabi Muhammad SAW menjadi pilihan kajian.

Oleh sebab itu, menjadi keutamaan pengkaji untuk mengangkat kembali nilai murni terdapat pada peribadi Rasulullah SAW melalui penulisan sirah nabi Muhammad SAW yang ditulis oleh para alim ulama. Untuk kajian ini, pengkaji memilih kitab *Sīrah Khātamun Nabīyyīn Liġ Atfāl* karangan *Abī al-Hasan Ālī al-Hasanī Al-Nadāwīy*. Kitab ini dipilih kerana tajuk dan kandungannya mudah dan khusus terus kepada kanak-kanak, bersesuaian dengan tahap pendidikan mereka. Buku ini juga sebagai pengisian kepada akal yang membentuk emosi yang baik, pengukuhan kerohanian yang utuh hingga menzahirkan pada perlakuan jasmani manusia. Sepertimana yang dikatakan oleh *Sayyid Quṭb* bahawa sirah yang ada di dalam kitab ini bersesuaian dengan pemikiran anak-anak yang masih kecil. Penjelasan yang berhikmah dikukuhkan dengan ayat-ayat al-Quran hingga terkesan